

Banyak faktor dikaji untuk apung ringgit

BH 30 MAR 2001

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata kerajaan akan mengambil kira pelbagai faktor jika mahu melepaskan tambatan ringgit RM3.80 bagi setiap dolar Amerika.

Perdana Menteri berkata, faktor itu, termasuk saingan dari segi eksport, penurunan atau kenaikan nilai mata wang negara jiran dan kos import barang.

“Sehingga ini, kita tidak nampak wujud keperluan untuk mengubahnya kerana ekonomi kita masih cekap. Sekali pun jika nilai ringgit itu lebih tinggi, daya saing negara masih kukuh.

“Tetapi, jika (mata wang) jiran kita turun 20 peratus dan kekal pada tahap itu, maka kita akan menimbang sama ada kita perlu menaikkan nilai ringgit,” katanya selepas merasmikan Forum Koridor Raya Multimedia (MSC)-Teknologi Makmal Lucent Bell 2001 di sini.

Beliau ditanya sama ada kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kadar tambatan itu, dan memandangkan kejatuhan mata wang Jepun, yen, yang mungkin menjejaskan daya saing eksport negara.

Tambatan itu diperkenalkan pada September 1998 sebagai sebahagian daripada langkah kawalan modal yang dikenakan untuk menangkis spekulator mata wang.

Sekiranya penetapan itu tidak dikenakan, negara mungkin terjejas dengan lebih teruk berikutan krisis ekonomi serantau pada 1997/98.

Dr Mahathir berkata, apabila berlaku perubahan pada kadar ringgit, ada yang mendapat untung dan ada pula mengalami kerugian.

“Ini kerana jika ringgit naik secara relatif dengan mata wang lain, ini bermakna kos import kita kurang dan beli banyak dari Jepun. Dan, jika yen turun, kita boleh beli banyak dari Jepun pada harga rendah,” katanya.

“Sebaliknya, kos eksport kita menjadi lebih tinggi. Oleh itu, kita terpaksa membuat pertimbangan berhati-hati sama ada berbaloi mengubah kadar tukaran itu atau tidak.

“Jika kita ubah, kita akan dapat untung dan rugi. Kita terpaksa mengambil kira secara berhati-hati sebelum membuat sebarang keputusan,” katanya.

Semalam, Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz berkata bukan menjadi dasar bank pusat itu untuk bertindak balas kepada turun naik pasaran tukaran asing bagi jangka pendek.